

**PM Saksikan Perlawanan Akhir Bolasepak Mamee 1Malaysia  
Bernama  
2 Mac, 2014**

KAJANG, 2 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak menyertai 2,500 orang yang majoritinya remaja menyaksikan perlawanan akhir Kejohanan Bola Sepak Mamee 1Malaysia di Stadium INSPAN di sini, hari ini.

Dalam perlawanan itu, pasukan Remaja PBNP Pahang menjadi juara selepas menumpaskan Kelab Bola Sepak Presint 8, Putrajaya dengan jaringan 2-1.

Najib kemudian menyampaikan piala, wang tunai RM15,000 dan pingat kepada Remaja PBNP Pahang manakala Kelab Bola Sepak Presint 8 menerima pingat dan wang tunai RM7,500.

Kedua-dua pasukan itu menewaskan lapan pasukan lain dalam beberapa perlawanan sepanjang minggu ini sebelum melayakkan diri ke perlawanan akhir hari ini.

Kejohanan itu anjuran Yayasan Rakyat Malaysia (YR1M) dengan sokongan Mamee-Double Decker (M) Sdn Bhd dan Manchester United, disertai 80 pasukan dari semua negeri.

Kejohanan itu juga menghimpunkan 1,400 pemain bola sepak bawah 19 tahun yang berbakat.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1018666>